

26 FEB 2003

OIC-Mahathir

SIDANG KEMUNCAK OIC OKTOBER INI DITERUSKAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 26 Feb (Bernama) -- Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang dijadualkan Oktober ini dengan Malaysia sebagai tuan rumah akan diteruskan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir hari ini.

Katanya, adalah tidak benar sidang itu akan dibatalkan.

Dr Mahathir menegaskan demikian pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat tidak rasmi OIC yang diadakan sehari selepas Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) ke-13. Mesyuarat itu diadakan bagi mengambil kesempatan daripada kehadiran pemimpin-pemimpin OIC pada sidang kemuncak NAM.

"Tak benar," katanya apabila seorang pemberita meminta mengulas mengenai khabar-khabar angin bahawa sidang kemuncak OIC akan dibatalkan.

Perdana Menteri yang akan menghadiri mesyuarat tergepar OIC di Qatar minggu depan, berkata beliau percaya pertubuhan yang dianggotai 57 buah negara itu masih relevan.

"Saya berpendapat OIC masih (relevan) walaupun terdapat banyak kelemahan ia masih berpengaruh, jadi kita perlu berusaha mencari jalan untuk mengukuhkan OIC," katanya pada sidang media yang turut dihadiri timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Mesyuarat tidak rasmi yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) itu dihadiri 49 wakil OIC dalam NAM dan dua bukan anggota NAM.

Ia bertujuan mendapatkan pandangan para anggota OIC mengenai situasi di Palestin dan perang yang mungkin meletus di Iraq.

"Kami semua mempunyai pandangan yang sama mengenai Palestin dan Iraq...Kami ingin mencari jalan dan cara untuk menghentikan pembunuhan rakyat Palestin oleh Israel dan ingin menghindari Iraq daripada diserang," kata Dr Mahathir.

Mesyuarat itu bersetuju bahawa Iraq perlu akur sepenuhnya dengan permintaan pasukan pemeriksa senjata Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang sedang menjalankan pemeriksaan mengesan senjata pemusnah besar-besaran di negara Arab itu.

Beliau berkata Baghdad telah menafikan dakwaan ia masih memiliki senjata seperti itu dan telah membuat jemputan terbuka kepada semua pihak untuk melawat Iraq dan melihat sendiri sama ada senjata itu masih terdapat.

"Anggota-anggota OIC tidak meragukannya, dan tidak nampak keperluan pada ketika ini bagi mereka pergi (ke Iraq) untuk mengesahkannya," katanya.

Beliau bagaimanapun berkata mereka masih bimbang jika pihak yang menuduh gagal menemui bukti Iraq memiliki senjata itu, Iraq akan dituduh menyembunyikannya dan akibatnya ia akan diserang.

Dalam situasi itu, anggota-anggota OIC secara umumnya bersetuju mereka perlu membuat pendirian sama dengan negara-negara yang menentang perang terhadap Iraq terutama negara-negara Eropah seperti Perancis, Jerman, Belgium dan Russia.

"Kita berharap dengan pendirian yang sama dengan mereka, kita akan dapat mempengaruhi Amerika Syarikat," katanya.

Beliau berkata ada juga cadangan agar anggota-anggota pertubuhan itu melihat pada kemungkinan menggunakan kekayaan minyak bagi memberikan tekanan.

"Bagaimana ia dapat dilakukan adalah perkara lain tetapi terdapat kata sepakat bahawa perkara itu perlu difikirkan.

"Ia sesuatu yang sangat bahaya, ada yang mengatakan ia boleh menimbulkan banyak kesan tetapi jika kita tidak memikirkannya, kita tidak akan dapat memberikan tekanan yang akan membawa manfaat kepada kita," katanya.

Beliau berkata rata-ratanya, mereka bersetuju untuk cuba mempengaruhi seberapa ramai yang boleh.

"Ada cadangan agar saya di atas kapasiti pengerusi NAM dan mesyuarat ini, menulis surat kepada Majlis Keselamatan dan anggota-anggotanya, (dan) Kesatuan Eropah bagi mendesak mereka menghindari perang terhadap Iraq," katanya.

Ditanya mengenai mesyuarat tergepar di Doha pada 4 dan 5 Mac depan, Dr Mahathir berkata Palestin dan Iraq akan tetap menjadi isu utamanya.

"Saya merasakan majoriti anggota OIC bersedia menghadirinya dan Malaysia akan turut bersama anggota-anggota lain," kata Dr Mahathir yang membuat keputusan untuk turut serta walaupun akan bercuti pada ketika itu.

-- BERNAMA
AZZ YBY MOZ